



IKLAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT

Selaras dengan misi membangun bakat holistik dan mensejahtera kehidupan menerusi ilmu dan inovasi teknologi, Universiti Teknologi Malaysia dengan ini mempelawa calon-calon yang berkelayakan, berani dan komited dalam Menginovasi Penyelesaian untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

1. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI) (GRED N4)
2. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI) (GRED N3)

SYARAT SKIM

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.

SYARAT KHUSUS

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (b) Syarat-syarat kenaikan pangkat
 - i) disahkan dalam perkhidmatan;
 - ii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - iii) melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;
 - iv) diperaku oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;
 - v) bebas daripada hukuman tatatertib;
 - vi) telah mengisytiharkan harta dan masih dalam tempoh sah;
 - vii) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
 - viii) bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga.
- (c) Permohonan yang **tidak menurut peraturan, tidak lengkap dan diterima selepas tarikh tutup** tidak akan dipertimbangkan.

CARA MEMOHON

- (a) Layari <https://registrar.utm.my/bsm/career-development-utm/>
- (b) Muat turun borang - borang seperti berikut:
 - i. Borang permohonan kenaikan pangkat dan senarai semak
 - ii. Borang Tapisan Keutuhan SPRM
- (c) Lengkapkan dan serahkan **Borang Tapisan Keutuhan SPRM** kepada PP PSM PTJ untuk mendapatkan tarikh kelulusan SPRM.
- (d) Pemohon perlulah mengemukakan **Maklumat CV terkini** yang boleh dimuat turun daripada MyUTM Portal yang tertera pada modul maklumat peribadi (Profil Staf). CV tersebut perlulah dikemaskini (jika ada).

- (e) Melengkapkan permohonan kenaikan pangkat pada Google Form yang disediakan di pautan:

SKIM N

<https://forms.gle/NTkVx9LURek5dG318>

- (f) Salinan borang permohonan kenaikan pangkat hendaklah dimajukan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan dihantar kepada urus setia seperti alamat di bawah:

**ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP:
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
(SEKSYEN PERJAWATAN DAN KENAIKAN PANGKAT)
JABATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310 UTM JOHOR BAHRU
JOHOR**

**TARIKH IKLAN : 4 Mac 2025 (Selasa)
TARIKH TUTUP : 18 Mac 2025 (Selasa)**

- (g) Sekiranya ada sebarang pertanyaan, sila hubungi urus setia dalam waktu pejabat di talian:

**07-5531193 / 011-13247449)
(Pn. Norhayati / perjawatanspkp@utm.my)**

1. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI) (GRED N4)

Skim Perkhidmatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Jadual Gaji : N4

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM2,930.00	RM6,410.00	RM130.00

Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM140.00
Imbuan Tetap Perumahan : RM300.00
Bayaran Imbuan Sara Hidup : RM350.00

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N4:

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N3 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N4 yang kosong apabila telah :

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.

SYARAT TAMBAHAN:

- 1. Perkhidmatan di jawatan semasa telah mencapai sekurang - kurangnya **lima (5) tahun** pada tarikh tutup iklan.

2. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI) (GRED N3)

Skim Perkhidmatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Jadual Gaji : N3

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM2,790.00	RM6,090.00	RM125.00

Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM140.00
Imbuan Tetap Perumahan : RM300.00
Bayaran Imbuan Sara Hidup : RM350.00

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N3:

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N3 yang kosong apabila telah :

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan

SYARAT TAMBAHAN:

1. Perkhidmatan di jawatan semasa telah mencapai sekurang - kurangnya **lima (5)** tahun pada tarikh tutup iklan.